

25/05/1998

Apec FMM cari ramuan selesai kemelut ekonomi

Azizi Othman

MESYUARAT Menteri Kewangan Negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec FMM) yang berlangsung di Kananaskis, Kanada, mempunyai kesan yang besar kepada Malaysia. Selain menjadi medan paling bermakna untuk membahaskan isu kegawatan ekonomi yang melanda Asia, ia juga menjadi platform menyediakan Apec dengan agenda lebih khusus menjelang sidang kemuncak ketua negara forum terbabit yang dijadual diadakan di Kuala Lumpur, akhir tahun ini.

Meneliti deraf persediaan mesyuarat yang dibawa ke mesyuarat peringkat pegawai kanan (Seom) Jumaat lalu, ketara sekali semua negara anggota Apec mempunyai agenda masing-masing untuk dibincangkan. Oleh itu, di sebalik cuaca dingin pusat percutian ski terulung di Kananaskis yang menjadi lokasi mesyuarat kali ini, dewan mesyuarat hangat dengan bahang perbebatan setiap wakil negara anggota.

Dalam keadaan semasa, sebenarnya terlalu banyak agenda yang mahu dibawa negara anggota untuk dibincangkan dalam Apec. Sehubungan itu, Seom mempunyai tugas berat menilai dan mengenal pasti apakah yang paling wajar diberi keutamaan oleh Apec FMM kali ini. Selain itu, Seom juga secara tidak langsung menentukan hala tuju dan 'nada' mesyuarat ketua negara Apec di Kuala Lumpur nanti.

Bagi negara Asia yang dilanda kegawatan, usaha melobi supaya sidang kemuncak di Kuala Lumpur memberi tumpuan kepada isu kegawatan ekonomi memang sedia difahami. Ini kerana, ledakan kegawatan yang berlaku pada pertengahan 1997, tidak begitu mendapat perhatian pada sidang kemuncak di Vancouver tahun lalu. Ini kerana ia berlaku selepas Apec FMM menyiapkan deraf usulnya di Cebu, Filipina pada 5 dan 6 April tahun lalu. Ketika itu, Asia masih diulit mimpi indah kegemilangan ekonominya.

Begitupun, apa yang dilihat sebagai usaha Asia mengheret isu kegawatan ekonomi ke dalam sidang kemuncak di Kuala Lumpur, bukanlah sesuatu yang mudah. Selain dihalang kecenderungan negara kuasa besar mengetepikan isu itu untuk membolehkan Apec bertumpu kepada hasrat memenuhi tuntutan globalisasi mereka, ia juga dibayangi beberapa agenda lain yang sudah dipersetujui semua.

Ini termasuklah aspek berhubung prinsip sukarela dan inisiatif kerjasama ke arah liberalisasi seperti yang dipersetujui Apec FMM di Cebu, tahun lalu. Oleh demikian, mesyuarat di Kananaskis kali ini terpaksa membincangkan secara terperinci usaha merumuskan tindakan konkrit dan praktikal yang perlu dilaksanakan untuk mencapai matlamat berkenaan.

Dalam konteks ini, delegasi Malaysia dalam Apec FMM kali ini diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, disifatkan oleh kalangan perwakilan Asia sebagai 'wakil penting' yang berada dalam kedudukan baik untuk mempengaruhi keputusan mesyuarat, sejajar dengan status Malaysia sebagai tuan rumah sidang kemuncak Apec tahun ini.

Secara tidak langsung, mereka sebenarnya mengharapkan Malaysia dapat sedikit sebanyak membantu Asia mengetengahkan isu itu secara lebih bermakna dalam Apec. Usaha itu, jika berjaya sebenarnya amat bermakna kerana Apec ialah antara medan dialog ekonomi terbesar yang mengumpulkan lebih separuh daripada kuasa beli sejagat. Ia juga diwakili antara kuasa besar paling berpengaruh seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Kanada.

Bagaimanapun, ironinya, signifikansi besar itulah yang menjadikan usaha sedemikian sukar, terutama menyedari sikap oportunistik kuasa besar dalam Apec. Selepas sekian lama strategi mereka menjadikan forum itu sebagai

`kuda tunggangan' memperluaskan doktrin penjajahan ekonomi tidak kesampaian, kegawatan yang melanda Asia tentu dilihat sebagai peluang baik menjayakan hasrat itu.

Jika dulu, suara negara kecil `harimau ekonomi Asia' seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia sukar ditepis, kegawatan yang melanda menyebabkan ekonomi itu hilang taringnya. Tidak keterlaluan jika dikatakan, ada kuasa besar dalam Apec yang pasti saja mahu memperlecehkan sebarang inisiatif yang diketengahkan oleh Asia, sekali gus mempermudahkannya berbuat sesuka hati memperkudakan Apec.

Inilah sebenarnya realiti yang dihadapi negara Asia yang menjadi negara anggota Apec dalam mesyuarat kali ini. Cabaran utamanya ialah untuk memboloskan diri daripada cengkaman kuasa besar yang sentiasa ingin menjadikan Apec - forum yang sepatutnya berteraskan prinsip bebas, longgar dan tidak mengikat - sebagai tempat meruntuhkan benteng pertahanan ekonomi negara membangun dengan bertopengkan slogan liberalisasi serta globalisasi.

Satu lagi cabaran besar dalam Apec FMM ialah isu berhubung sumbangan institusi multilateral dalam forum itu. Ini kerana, selepas Apec FMM di Cebu mengiktiraf sumbangan entiti seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dalam menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi Asia, sentimennya kini sudah beralih arah.

Soalnya sekarang, bagaimana Apec FMM mahu menyampaikan mesej itu tanpa menjejaskan kredibilitinya. Sebelum ini, mereka sendiri yang mengiktiraf sumbangan entiti Bretton Woods itu tetapi kini, bagaimana untuk mempertikaikan ketulusan setiap dolar yang diberikan. Ketika Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus kini tersenyum mungkin kerana `jeratnya' sudah mengena, menteri kewangan Asia terpaksa memerah otak untuk mencari jalan terbaik melepaskan diri.

Dalam pada itu, oleh kerana IMF sudah banyak memberi bantuan (walaupun dipertikaikan sama ada ia penyelesaian atau penambah masalah), sebarang usaha menangani isu itu perlu dibuat dengan lebih bijaksana bagi mengelakkan sistem ekonomi Asia runtuh. Inilah yang seperti dikatakan pepatah `menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung pula jangan berselerakan'.

Seperkara yang perlu difahami ialah negara Asia, terutama Malaysia bukanlah menolak liberalisasi dan globalisasi. Sebaliknya, Malaysia cuma mahu mengetengahkan pendekatan pragmatik ke arahnya kerana sedar liberalisasi membuta-tuli tidak menguntungkan sesiapa. Seperti yang berkali-kali ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dua istilah itu akan hanya bermakna jika ia memanfaatkan semua pihak.

Perkembangan semasa membuktikan wujud satu keperluan yang lebih mendesak bagi forum seperti Apec untuk membincangkan mengenai isu kegawatan ekonomi yang melanda Asia, justeru itu ia harus diberikan keutamaan. Tambahan pula, dalam keadaan semasa, hanya negara barat dan kuasa besar saja yang sibuk dengan liberalisasi sedangkan negara yang gawat ekonominya berhempas-pulas menepis kesan badai yang melanda.

Ditinjau dari perspektif struktural, Apec sebenarnya mampu menyumbang secara positif ke arah membantu pemulihan ekonomi Asia. Ini kerana, forum itu mempunyai rangkaian dan jalinan yang komprehensif antara sektor awam dan swasta setiap negara anggotanya. Ini jelas terbukti menerusi kewujudan Kumpulan Pembiaya Apec (AFG), Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) dan Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (Pecc).

Sehubungan itu, adalah wajar kewujudan entiti itu dimanfaatkan sepenuhnya dalam usaha memupuk kestabilan ekonomi sejagat, yang kemudiannya menjurus kepada dasar yang lebih seragam. Liberalisasi akan datang dengan sendirinya dan globalisasi tidak lagi menjadi isu pertikaian

apabila kepentingan masing-masing tidak lagi terancam.

Bagi Apec FMM, tidak keterlaluan dikatakan ia adalah medan yang menuntut komitmen semua negara anggota forum itu mencari `ramuan' menyelesaikan kemelut kepincangan yang mungkin wujud dalam sistem ekonomi dunia hari ini. Apa yang diharapkan ialah supaya isu sampingan sedia ada diketepikan atas kesedaran wujudnya satu keperluan lain yang lebih mendesak.

Kejayaan Apec FMM banyak bergantung kepada sejauh mana kuasa besar dalam Apec sanggup mengorbankan kepentingan peribadi mereka dan menghayati prinsip sebenar kewujudan forum itu sendiri. Selagi mereka masih berpendirian Apec boleh diperkudakan dan negara kecil boleh diperkotak-katikan, sehingga itulah keberkesanannya dalam mengubah peradaban percaturan ekonomi sejagat akan dipertikaikan.

(END)